



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 9 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI MAIN PERANAN BERBEZA BERBANDING KPPK, KELANTAN, HAKAKAH -H12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3.	CLUB HOUSE KUCING PERTAMA DI KELANTAN, DALAM NEGERI, UM -31 MVP SETS ITS SIGHTS ON HUMAN VACCINES, NATION/NEWS, NST -9	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	JUAL PATIN SECARA ONLINE, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6. 7. 8. 9.	MAQIS RAMPAS 1,000 EKOR LIPAN HIDUP, NEGERI JOHOR, SH -27 RM65,946 WORTH OF BAMBOO BROOMS SEIZED, NEWS IN BRIEF, NST -15 MAQIS FOILS INDOENSIAN'S BID TO SMUGGLE CENTIPEDES, NEWS IN BRIEF, NST -15 SELUDUP 1,000 EKOR LIPAN HIDUP NAIK FERI, NEGARA, KOSMO -18 2,350 PENYAPU BULUH DIRAMPAS, LOKAL, HM -12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARABTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
10. 11.	LAZADA, FAMA DIGITALKAN PERNIAGAAN USAHAWAN TANI, THE MALAYSIA TIMES -ONLINE LAZADA, FAMA DIGITALKAN PERNIAGAAN USAHAWAN TANI, BISNES, HM -24	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12.	LKIM BERTINDAK SEGERA BANTU PENTERNAK PATIN TERJEJAS, KOSMO -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
13.	RM2.8 JUTA BANTU PETANI, PESAWAH, UTARA, HAKAKAH -H16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31.	BERI NOTIS HARGA AYAM NAIK, KL, SH -27 SELESAIKAN SEGERA ISU HASIL TANI, LAUT, NEGERI KEDAH, SH -28 DEDAK MAHAL, GAJI PEKERJA BEBANKAN PELADANG, NASIONAL BH -14 KPDNHEP SIASAT ISU KENAIKAN HARGA AYAM, NASIONAL BH -14 PANTAU PUNCA KENAIKAN MENDADAK HARGA AYAM, NASIONAL, SH -14 PUNCA PENTERNAK NAIKKAN HARGA AYAM, MUKA UTAMA, BH -1 AEON BANTU PETANI, PENTERNAK KECIL, EKONOMI, UM -35 AEON BANTU PASAR PRODUK PETANI, PENTERNAK, BISNES, BH -37 BELIA DIGALAK CEBURI PERTANIAN MODEN, KOMENTAR, BH -11 KELULUSAN EIA TAMBAK LAUT BATAL, NASIONAL, BH -20 RM813,900 BANTU WARGA TANI SELANGOR, NEGERI SELANGOR, SH -23 KPKB PERKENAL PROGRAM XPLOKASI TANI, KELANTAN, HAKAKAH -H13 IKAN LUMBA-LUMBA TARIKAN DI PERLIS, DALAM NEGERI, UM -29 3 PULAU LOKASI BIAK UDANG GERAGAU, DALAM NEGERI, UM -12 NELAYAN MERUNGUT TAK BOLEH KE LAUT, NEGARA, KOSMO -16 TANAM RUMPUT NAPIER BERTAMBAH KEUNTUNGAN, NEGARA, KOSMO -16 CENDAWAN TIRAM BERTAMBAH PENDAPATAN LUMAYAN BUAT SUAMI ISTERI, USAHA NIAGA, HAKAKAH -H26 IDEA KERJAYA RAKAN BERTAMBAH, RAIH UNTUNG JUAL 'TIMUN BABY', USAHA NIAGA, HAKAKAH -H26	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAFI main peranan berbeza berbanding KPPK

Oleh AIN MANAF

RANTAU PAJANG: Kementerian Perusahaan Perladang dan Komoditi (KPPK) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memainkan peranan yang berbeza.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, kedua-dua kementerian terlibat mempunyai tugas tersendiri.

Katanya setakat ini tiada ada sebarang perubahan struktur memandangkan tiada keperluan kedua-dua kementerian digabungkan buat masa ini.

"Sekiranya suranan yang pihak tertentu memberi manfaat dan kebaikan kepada negara sudah pasti ia sudah dibincangkan sebelum ini. Ikatanya ketika ditemui pemberita pada Program MAFI Prihatin di Pejabat Perkhidmatan, Kuaran- tin dan Pemeriksaan Makanan

an (MAQIS) di sini Sabtu lepas.

Baru-baru ini ada pihak mencadangkan Kerajaan menggabungkan kementerian berkaitan perladangan dan industri makanan bagi menghapuskan rantaian gas sekuriti makanan.

Dr Nik Muhammad Zawawi juga berkata, MAQIS memberi sumbangan bekalan makanan haiwan seperti keratan ayam sejuk beku, daging sejuk beku dan pelbagai jenis sosej kepada jabatan dan agensi terlibat.

Katanya, sejumlah 11 tan hasil haiwan yang dianggar bernilai RM87,000 diagihkan kepada jabatan dan agensi yang memerlukan.

Antara yang menerima sumbangan itu Zoo Taiping, Pusat Penyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) Sungai Perak, Royal Endurance, Jabatan Pertanian Marang Terengganu, Ja-



Dr Nik Zawawi Salleh menunjukkan daging sejuk beku yang disumbangkan di bawah program MAFI Prihatin.

batan Penjara Machang dan Pengkalan Chepa, Kelantan.

"Serahan ini bertujuan memastikan bekalan makanan haiwan kepada zoo dan NWRC mencukupi dan memenuhi keperluan bekalan bahan mentah untuk dijadikan makanan bagi tem-

program rehabilitasi banduan di Jabatan Penjara Malaysia," katanya.

Manakala sebanyak 120 juk beku bernilai RM2.1 juta diserahkan kepada agensi berkenaan untuk dijadikan makanan haiwan bagi tempoh Januari sehingga Ogos tahun ini.

Club house kucing pertama di Kelantan

JELI: Puluhan kucing dilihat bersantai, bermalas-malasan sambil menjamu selera menjadikan suasana kuarters Pejabat Veterinar Jeli, di sini tak ubah seperti *club house* atau rumah kelab eksklusif untuk haiwan comel itu.

Pertama seumpamanya di Kelantan, Rumah Kebajikan Kucing Majlis Daerah Jeli (MDJ) dibuka di situ kira-kira dua bulan lalu khusus untuk kucing gelandangan yang sebelum ini berkeliraran di sekitar pusat bandar.

Ketua Jajahan Jeli merangkap Yang Dipertua MDJ, **Nik Raisnan Daud** memberitahu *Utusan Malaysia*, selepas setahun Covid-19 melanda, semakin banyak kucing tanpa pemilik banyak kelaparan selain dihinggapi penyakit.

Katanya, rasa simpati terhadap mereka mencetuskan idea pembinaan rumah dengan kos RM40,000 yang turut menjadi inisiatif bersama Puspanita Jeli serta dibantu Pejabat Veterinar Jeli, sejak pertengahan Jun lalu.

“Di samping membelanja nasib



NIK Raisnan Daud (kiri) bersama Nik Aidil Marina Nik Sapiea memberi makan kepada kucing-kucing yang mengahuni Rumah Kebajikan Kucing MDJ di Jeli, Kelantan, baru-baru ini. - UTUSAN/BAHRUDDIN HATTA

haiwan terbiar ini, usaha kita mengumpulkan mereka di satu lokasi secara tidak langsung menukarkan persekitaran bandar Jeli menjadi lebih bersih dan selesa untuk orang awam.

“Setakat ini, terdapat 60 kucing menumpang kasih di sini. Jumlahnya berubah-ubah kerana ada yang diambil pengunjug yang berminat membelanya dan ada juga yang terlepas merayau

di luar,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Kata Nik Raisnan, selain ditangkap ketika berkeliraran oleh petugas MDJ, terdapat juga kucing yang dihantar ke situ oleh pemiliknya sendiri yang tidak lagi berminat membelanja mereka.

“Rumah Kebajikan Kucing MDJ sedia menerimanya bagi mengelak haiwan tersebut dibuang merata-rata. Cuma kita harap, orang ramai turut bantu kami dengan memberi sumbangan makanan dan kos ubat.

“Setiap bulan, kami anggaran kos makanan RM500 manakala kos rawatan RM150. Sekarang kami mula menerima sumbangan pencinta haiwan tempatan serta negeri luar seperti Selangor dan Johor, serta dari Singapura,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Puspanita Jeli, **Nik Aidil Marina Nik Sapiea** berkata, kucing di situ bukannya sahaja diberi makan dan dirawat sehingga sihat, malah jinak dan manja kerana sering dibelai pencinta haiwan yang singgah.

US\$50-MILLION PROJECT

MVP SETS ITS SIGHTS ON HUMAN VACCINES

Veterinary vaccine maker to build full-cycle facilities to manufacture flu jabs for people

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
tehatthira.yusof@nst.com.my

VETERINARY vaccine manufacturer Malaysia Vaccines and Pharmaceuticals Sdn Bhd (MVP), which has been around for 32 years, has now set its sights on producing vaccines for humans in the country.

MVP executive director Rashidah Ibrahim said as the sole company in Malaysia that manufactured vaccines on a full-cycle basis for animals, the company boasted the expertise and experience in producing human vaccines.

"We have signed a tripartite memorandum of understanding (MoU) under MVP Healthcare (MVP HC) with a Russian organisation, Saint Petersburg Scientific Research Institute of Vaccines and Serums (SPbSRIVS) and Technvention Lifecare from India, to embark on a full manufacturing cycle of a quadrivalent influenza vaccine for human use.

"The project, worth about US\$50 million, will kick-start next year. Once completed, our facility based in Klang Valley can produce up to 10 million doses a year in the first three years.

"This will possibly be the first, full cycle, indigenously manufactured human vaccine project in Malaysia where its first batch is expected to roll out in 2024," she told the *New Straits Times* on Tuesday.

This, however, would be subject to approval by local regulatory bodies, such as the Malaysian Islamic Development Department (Jakim) and National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA).

Rashidah is confident that by venturing into building the quadrivalent influenza vaccine (QIV) facilities, it will be able to complement and be part of the country's National Vaccines Development Roadmap.

"In Malaysia, most local manufacturers are focusing only on fill-and-finish production. However, for us, we have diversified the company with MVP HC to focus on full-cycle manufacturing," she said. Full-cycle manufacturing, Rashidah ex-

plained, was where the company would be producing the vaccines from raw materials until the finished product.

"We propagate, purify and bottle the vaccines from start till end. Having full-cycle facilities will fulfil one of the country's initiatives into making Malaysia a vaccine-producing country.

"Even our neighbours like Thailand, Indonesia and Vietnam have the capacity to produce human vaccines," she said.

Rashidah said the plan was to work on manufacturing a QIV, which was designed to protect against four types of flu viruses, including two influenza A viruses and two influenza B viruses.

"For many years, flu vaccines were designed to protect only against three different flu viruses or trivalent, which are influenza A viruses H1N1 and H3N2 as well as one type of B virus.

"So, adding another B virus from the second lineage will give broader protection against influenza disease.

"The seeds supplied by SPbSRIVS are suitable for all climates. Currently, there is no full-cycle manufacturing of QIV in the Southeast Asian region, we see this as an opportunity for MVP HC to produce and market beyond Malaysia as well."

Rashidah said the company was also considering a portfolio of halal-certified vaccines using the same platform technology.

"This means we are exploring all vaccines that are using the same, egg-based platform in which MVP has been using for the animal vaccines.

"We will study all current vaccines available such as rabies, yellow fever and others where there are consistent demand-supply gaps.

"The entire portfolio will be developed, keeping the halal certification requirements in mind from start to finish to eradicate any doubts from Muslim recipients," she said.

The challenge for MVP to succeed in producing human vaccines, according to Rashidah, is changing perceptions of certain quarters.

She said some believed that MVP, being an animal vaccines producer, was not qualified to be on the same level as other players in the human vaccine field.

What they failed to understand is that process-flow and production methods are the same for a specific technology. The only difference is the good manufacturing practice (GMP) requirements.



Malaysia Vaccines and Pharmaceuticals Sdn Bhd's (MVP) plan to build quadrivalent influenza vaccine facilities will complement and be part of the country's National Vaccines Development Roadmap, says MVP executive director Rashidah Ibrahim. PIC TAKEN FROM MVP WEBSITE

"MVP is supervised by the Department of Veterinary Services, Agriculture and Food Industry Ministry. Hence our GMP is issued by them.

"For human vaccines, GMP accreditation is regulated by NPRA under the Health Ministry, which strictly follows the Pharmaceuticals Inspection Cooperation Scheme standard that, understandably, are much higher than for animals.

"This is why we expanded the company with MVP HC to produce a whole line of vaccines catered for humans."

Rashidah pointed out most of the big pharmaceutical companies, like Japan-based KM Biologics, started off as an animal vaccine producer under Kaketsuken Animal Health before the company ventured into human vaccines.

She also emphasised a long-term procurement commitment from the Health Ministry to ensure the success of the locally made vaccines.

"This is quite possible since QIV is also being recommended for travel, such as for haj and umrah pilgrimage."



Rashidah Ibrahim

Atasi masalah lambakan ikan daripada 4,096 sangkar Jual patin secara online

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

TEMERLOH - Jabatan Perikanan dengan kerjasama Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sedang berusaha meningkatkan kaedah menjual ikan patin secara online bagi mengatasi masalah lambakan hidupan sungai tersebut.

Pengarah Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, mereka juga sedang melihat ke arah usaha proaktif untuk memperbanyakkan lagi industri hiliran ikan patin supaya isu itu tidak berulang.

Katanya, Jabatan Perikanan telah berhubung dengan MARDI sejak April lalu untuk mengadakan kursus kemahiran pemprosesan ikan patin sebagai persediaan menghadapi isu tersebut.

"Bagaimanapun, ketika ini kursus kemahiran bersemuka tidak boleh dibuat dan mungkin ia akan dilakukan selepas Majlis Keselamatan Negara memberi kebenaran kelak.

"Antara produk hiliran berasaskan ikan patin termasuklah produk sejuk beku pais patin, tauhu ikan patin, tempura, kepingan isi ikan (*fillet*) dan kebab ikan," katanya selepas meninjau kilang pemprosesan produk hiliran ikan patin Lazizpatin di sini semalam.

Selasa lalu *Kosmo!* melaporkan ramai penternak ikan patin sangkar di Temerloh pening kepala memikirkan cara untuk mencari pelanggan ekoran kurang permintaan daripada pengusaha restoran sedangkan bekalan ikan itu semakin berlam-
bak.



ABDULLAH (kiri) mendengar penerangan daripada pengusaha Lazizpatin, Saharudin Ahmad (kanan) di kilang pemprosesan produk hiliran ikan patin di Temerloh semalam.



KERATAN Kosmo! kelmarin.

Menurut Abdullah berdasarkan data 2020 terdapat sebanyak 1,673 penternak ikan sangkar di seluruh negeri dengan 34 peratus daripadanya iaitu 563 orang penternak adalah di Temerloh.

Beliau memberitahu, jumlah keluasan ikan sangkar di Temerloh sahaja adalah seluas kira-kira enam hektar dengan bilangan

4,096 unit sangkar ikan.

Dalam pada itu beliau berkata, MARDI sememangnya mempunyai teknologi penghasilan produk sejuk beku yang boleh dimanfaatkan oleh penternak ikan patin dalam memastikan pasaran ikan sungai berkenaan dapat dilakukan berterusan.

"Kita juga akan berusaha untuk padankan kaedah pemasaran online dengan menjualnya di online dan NekomatBiz yang boleh membantu dari segi pemasaran," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, tidak timbul masalah rentas negeri atau daerah kepada pengusaha dan penternak ikan patin kerana ia merupakan industri rantai makanan dalam kategori perkhidmatan perlu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI MELAKA/ JOHOR/ SELANGOR/KL	27

Maqis rampas 1,000 ekor lipan hidup

JOHOR BAHRU - Cubaan seorang penumpang warga Indonesia menyembunyikan 1,000 ekor lipan hidup dalam bungkus tidak berjaya apabila dikesan semasa pemeriksaan di Terminal Feri Stulang Laut di sini pada Isnin.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dalam satu kenyataan pada Rabu berkata, hasil pemeriksaan rutin dijalankan Pegawai Penguat Kuasa Maqis menemukan lipan hidup itu pada jam 1 petang. "Kesemua lipan hidup yang cuba dibawa masuk itu dianggarkan bernilai RM1,750.

"Menurut lelaki berusia 30-an itu, dia merupakan penumpang feri dari Batam, Indonesia dan mendakwa lipan itu dibawa masuk untuk dijadikan makanan ikan terutamanya kelisa.

"Kes akan diasiat di bawah Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengimport tanpa permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan di bawah akta ini," menurut kenyataan tersebut.

Maqis berkata, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kedua atau berikutnya didenda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan tidak lebih tujuh tahun atau kedua-duanya sekali.

"Pihak Maqis menasihati semua pengimport dan pengeksport sentiasa mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan agar kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan terpelihara di Malaysia," tambah kenyataan itu.



Maqis Johor merampas lebih kurang 1,000 ekor lipan hidup daripada seorang penumpang lelaki warga Indonesia di Terminal Feri Stulang Laut, Johor Bahru, pada Isnin.

Beri notis harga ayam naik

KPDNHEP Melaka minta penjelasan pengilang dan pengimport isu harga

Oleh NOR FARHANA YAACOB

MELAKA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka akan mengeluarkan empat notis kepada tiga pengilang dan satu pengimport bagi mendapatkan penjelasan berhubung kenaikan harga ayam mentah.

Pengarahnya, Norena Jaafar berkata, Notis Pengesahan Maklumat Barangan atau Perkhidmatan serta Notis Bertulis Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Pencatutan 2011 akan dikeluarkan minggu ini berikutan rungutan pengguna berhubung harga ayam mentah meningkat di beberapa tempat.

Beliau berkata, pihak berkenaan perlu mengemukakan dokumen kos pengoperasian jualan ayam dalam tempoh tiga tahun, selain menggerakkan operasi rantaian jualan ayam di 13 lokasi membabitkan penternak, pe-ladang, pemborong dan peruncit.

"Kita lakukan secara serentak.



Norena (kiri) dan Ismail (dua dari kiri) ketika operasi pemantauan harga barangan di sebuah pasar raya di Peringgit, Melaka pada Rabu.

Daripada situ kita akan lihat sama ada kenaikan harga bermula dari ladang atau rantaian (pengilang), atau di peringkat peruncit itu sendiri.

"Kita mula dari awal sehingga akhir dan membuat siasatan mencari punca bermulanya kenaikan harga ini" katanya kepada pemberita ketika operasi pemantauan harga barangan di sebuah pasar raya di Peringgit di sini pada Rabu.

Hadir sama, Exco Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Ismail Othman.

Norena berkata, sebanyak lima pasukan penguat kuasa terdiri daripada 30 anggota akan menjalankan pe-

mantauan bagi memastikan harga ayam di negeri ini dijual dengan harga berpatutan.

Pihaknya bagaimanapun tidak menolakan kenaikan harga ayam mendadak itu disebabkan segelintir peniaga mengambil kesempatan terhadap bekalan berkenaan susulan peralihan Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang membenarkan *dine-in* di kedai makan.

"Setakat ini kita mendapati harga ayam termurah ialah RM5.99 sekilogram dan paling tinggi ialah RM9.80 sekilogram.

"Isu ini juga telah memberi kesan kepada kenaikan harga telur yang dijual di pasaran ketika ini," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2021	NST	NEWS IN BRIEF	15

RM65,946 worth of bamboo brooms seized

KUANTAN: Three days after confiscating sawn timber, the Malaysian Department of Quarantine and Inspection Services (Maqis) seized bamboo brooms at the Kuantan Port here on Tuesday. It said the 2,350 broomsticks, worth RM65,946, were seized during a routine inspection on a container that arrived from China earlier in the morning. "The goods did not have the required import permit. The consignments have been seized for further inspection." The case is being investigated under Section 11(1) of the Quarantine and Inspection Services Act of Malaysia 2011 for bringing in goods without an import permit. Those found guilty of such breach could be fined up to RM100,000 or jailed up to six years, or both.

Maqis foils Indonesian's bid to smuggle centipedes

JOHOR BARU: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) here foiled a centipede smuggling attempt on Monday. The department said the centipedes were seized after its enforcers detained an Indonesian man at the Stulang Laut Ferry Terminal about 1pm. "We found the centipedes in a package he brought with him. He did not have an import permit for the insects," said Maqis. The five centipedes, worth about RM1,750, were brought in to be used as fish feed. "The case is being investigated under Section 11(1) of the Maqis Act 2011. The suspect was released after his statement was taken."



BUNCKUSAN berisi lipan hidup yang dirampas daripada seorang lelaki Indonesia di Terminal Feri Stulang Laut, Johor Bahru kelmarin.

Seludup 1,000 ekor lipan hidup naik feri

JOHOR BAHRU – Cubaan seawal penumpang feri warga Indonesia menyeludup kira-kira 1,000 ekor lipan dari Batam, Indonesia gagal apabila lelaki itu ditangkap di Terminal Feri Stulang Laut di sini kelmarin.

Perbuatan itu disedari pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) yang membuat pemeriksaan di pintu keluar negara di terminal feri berkenaan.

Maqis Johor dalam satu kenyataan berkata, hasil pemeriksaan pada pukul 1 tengah hari itu menemui lipan hidup di dalam bungkusan yang dibawa lelaki berusia 30-an terbabit.

Katanya, kira-kira 1,000 ekor lipan yang dianggarkan bernilai RM1,750 yang cuba dibawa masuk tanpa Permit Import

Maqis oleh seorang penumpang feri dari Batam itu.

"Kesemua lipan hidup yang dibawa masuk ini adalah untuk dijadikan makanan ikan.

"Kesemua barang dagangan itu telah dirampas untuk tindakan lanjut. Ini adalah pertama kali cubaan membawa masuk lipan hidup ke negara ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut kenyataan itu, kes akan disiasat di bawah Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengimport tanpa permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan.

Jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjarakan lebih enam tahun atau kedua-duanya.

2,350 penyaypu buluh dirampas

Kuantan: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 2,350 unit penyaypu buluh cuba dibawa masuk tanpa permit import di Pelabuhan Kuantan, di sini, kelmarin.

Dalam satu kenyataan...

media, semalam,

Maqis Pahang

memaklumkan

penyaypu buluh

terabit diper-

cayai dari Chi-

na dianggar-

kan bernilai

RM65,946.

"Barang daga-

ngan ditahan sele-

pas gagal mengemu-

kakan permit import Maqis

ketika pemeriksaan dijalan-

kan.

"Kes disiasat mengikut

Seksyen 11(1) Akta Perkhid-

matan Kuarantin dan Peme-

riksaan Malaysia 2011 [Akta



“Barang dagangan ditahan selepas gagal mengemukakan permit import Maqis

Jurucakap Maqis

“PENYAPU buluh dipercayai dari China dirampas

Maqis dekat Pelabuhan Kuantan, kelmarin.

728] yang jika disabitkan kesalahan boleh didenda mengikut Seksyen 11(3).

“Mengikut akta sama, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan enam tahun tidak melebihi enam tahun

atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2021	THE MALAYSIA TIMES	ONLINE	

Lazada, Fama digitalkan perniagaan usahawan tani

The image is a promotional banner for a collaboration between Lazada and FAMA. On the left, the text reads 'SHOP MALAYSIA ONLINE' at the top, followed by the Lazada logo and 'Lazada x FAMA'. Below this, it says 'LAZADA ADA SAPOT BUAH & SAYUR LOKAL LA!' and '6 SEP - 31 DIS'. At the bottom left, there are two promotional offers: 'DISKAUN RM15 UNTUK PENDEKATAN MIN 30000' and 'PENGHANTARAN PERCUMA'. On the right, there is a large, colorful illustration of a wooden crate filled with various fresh fruits and vegetables, including pineapples, mangoes, and leafy greens. The background is a vibrant blue with some abstract light effects. At the bottom left, there are logos for '2021 MIEP' and 'KELAB JAMAY'. At the bottom right, there is a small Lazada mascot character.

Kuala Lumpur: Lazada Malaysia berganding bahu dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) untuk mendigitalkan perniagaan usahawan tani tempatan menerusi program Onboarding Produk Agromakanan di Platform E-Dagang.

© New Straits Times Press (M) Bhd

x

LAZADA ADA SAPOT BUAH & SAYUR LOKAL LA!

6 SEP - 31 DIS

Kuala Lumpur: Lazada Malaysia berganding bahu dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) untuk mendigitalkan perniagaan usahawan-tani tempatan menerusi program *Onboarding Produk Agromakanan di Platform E-Dagang*.

Berbekalkan sokongan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (Mdec) dalam membangunkan sektor pertanian negara, projek perintis atus-ratus usahawan-tani tempatan memulakan perjalanan mereka di platform Lazada dalam usaha menyokong sektor pertanian negara.

Program berkenaan yang juga sebahagian daripada Inisiatif e-dagang Mdec dalam Belanjawan 2021 dapat mempercepatkan proses pendigitalan ladang dan usahawan-tani dalam usaha merangsang pertumbuhan kategori berkenaan dalam ekonomi digital.

Dengan kerjasama Lazada, Fama akan mengubungkan rangkaian pelanggan mereka kepada platform e-dagang di mana usahawan-tani yang baru menyertai platform bukan

saja boleh belajar di Lazada University, malah dapat membantu mereka membuka gedung digital masing-masing.

Ketua Pegawai Eksekutif Lazada Malaysia, Magnus Ekhom berkata, pendigitalan sektor ini amat penting untuk memastikan perniagaan kecil dan sederhana dalam industri pertanian dapat mencapai kemampauan jangka panjang dalam era apabila pengguna berusaha mengurangkan sentuhan fizikal dan membeli-be-

lah dalam talian untuk bawahan runcit dan keperluan kini menjadi kebiasaan.

"Menerusi kerjasama ini, kami berharap masyarakat pertanian dapat mendigitalkan perniagaan dan minidahkan produk mereka ke dalam talian dengan bantuan Lazada.

"Platform Lazada menyediakan saluran terus untuk menjual hasil tanaman dalam talian yang dihantar terus ke meja pengguna pada harga lebih baik manakala pengguna boleh membeli daripada mereka dengan lebih cekap dan pada harga berpatutan," katanya dalam kenyataannya.

Lazada, Fama digitalkan perniagaan usahawan-tani

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2021	KOSMO	ONLINE	

LKIM bertindak segera bantu penternak patin terjejas



TEMERLOH – Penternak ikan patin yang terjejas akibat kekurangan permintaan ikan sungai berkenaan susulan pandemik Covid-19 boleh menarik nafas lega apabila Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tampil membantu mengatasi masalah itu.

Menurut kenyataan LKIM, sebagai langkah segera pengusaha ikan patin yang terjejas boleh menghantar ikan ke Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan Air Tawar (CCDC) di kawasan

masing-masing untuk proses sejuk beku bagi memastikan ikan berkenaan tidak rosak sebelum dipasarkan.

“Bilik sejuk atau pusat CCDC ini membolehkan isu lambakan ikan di negeri Pahang terutamanya disimpan secara sejuk beku dan akan dikeluarkan apabila diperlukan atau sewaktu musim ikan tidak mencukupi terutama sewaktu musim tengkujuh.

“LKIM dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sentiasa peka dan prihatin akan segala permasalahan yang berlaku dan akan terus komited untuk membantu kumpulan sasar samada masyarakat nelayan mahupun para penjual ikan di seluruh Malaysia,”katanya dalam kenyataan hari ini.

Semalam Kosmo! melaporkan ramai penternak ikan patin sangkar di Temerloh yang terkenal dengan ikan patin pening kepala memikirkan cara untuk mencari pelanggan ekoran kurang permintaan daripada pengusaha restoran sedangkan bekalan ikan itu semakin berlambak.

Akibat banyak kedai makan yang tidak beroperasi sepenuhnya menyaksikan ada penternak yang biasanya mampu menjual purata 200 ekor sehari kini hanya mampu menjual 20 ekor ikan patin sehari.

Menurut kenyataan itu pada masa ini terdapat 27 Pusat CCDC LKIM di seluruh negeri iaitu sebanyak 12 buah di Temerloh, Pekan (4), Kuantan (2), Bera (6), Maran (2) dan satu di Bentong.

Dalam pada itu katanya, dalam usaha membantu memasarkan ikan patin, LKIM dengan kerjasama Persatuan Nelayan Negeri Pahang dan Persatuan Nelayan Kawasan telah mengambil inisiatif melaksanakan jualan ikan segar dan ikan segar beku melalui medium atas talian dan penghantaran pesanan ke lokasi pelanggan secara bayaran secara penghantaran (COD).

Katanya dalam masa sama LKIM sedang menguruskan padanan pasaran di antara pembeli dan penternak yang terlibat untuk mendapatkan bekalan secara terus dari penternak yang terjejas.

Sementara itu, katanya Pahang merupakan pengeluar ikan patin terbesar negara dengan jumlah keluaran sebanyak 422 tan metrik setahun dengan mencatatkan nilai jualan RM7.174 juta pada 2020.

Katanya, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan pengeluaran ikan patin di negeri itu terjejas selepas pembeli khususnya pemborong tidak dapat membeli pada kadar biasa seperti sebelum ini.

“Walaupun Pelan Pemulihan Negara telah dilaksanakan secara berperingkat di seluruh negara bermula 15 Jun lalu, tinjauan LKIM mendapati aktiviti perikanan masih mengalami gangguan ketara mungkin disebabkan oleh pergerakan orang ramai yang masih terbatas dan juga kuasa membeli yang semakin berkurangan,”ujarnya. – K! ONLINE

RM2.8 juta bantu petani, pesawah

YAN: Kerajaan negeri menyambut baik dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Kementerian Pertanian dan Asas Tani di atas peruntukan tambahan sebanyak RM2.8 juta untuk membantu para petani dan pesawah yang terkesan akibat kejadian kepala air Gunung Jerai dua minggu lalu.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor berkata, tidak dinafikan kejadian 18

Ogos lalu turut menjejaskan tanah pertanian dan sawah padi penduduk daerah terabit.

“38 hektar sawah padi ditimbus tanah lumpur, terdapat paip saliran yang putus dan tali air terkambus.

“Kalau ikut Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), kerosakan padi seperti padi rebah atau rosak, petani akan menerima bantuan RM3,000 setiap satu hektar,” ulas beliau.

Sementara itu kata beliau kerajaan negeri akan terus mengikuti perkembangan dari semasa ke sama untuk melihat keperluan yang perlu disediakan di dua daerah terlibat (Yan dan Kuala Muda) yang terlibat.

Jelasnya, peruntukan RM50 juta khas untuk membaik pulih infa struktur belum lagi dimulakan dan kemungkinan akan mengambil sedikit masa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH	28

Selesaikan segera isu hasil tani, laut

Padi rosak gagal dituai, ikan terpaksa dibuang akibat tidak boleh dipasarkan

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Isu hasil perikanan dan tani yang tidak dapat dipasarkan hingga mengakibatkan kerugian jutaan ringgit di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKPD) di Kuala Kedah perlu ditangani segera.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kubang Rotan, Asmirul Anuar Aris berkata, pihaknya tidak menafikan keperluan untuk pelaksanaan PKPD susulan peningkatan kes jangkitan Covid-19 di dua mukim di Kuala Kedah.

Bagaimanapun, beliau me-

mintanya Majlis Keselamatan Negara (MKN) mempertimbangkan kewajaran beberapa sektor industri pemakanan negara kerana ia boleh menyebabkan kerugian jutaan ringgit kepada pihak terlibat sekiranya tidak diselesaikan dengan segera.

"Sebelum ini, prosedur operasi standard (SOP) sememangnya membenarkan beberapa sektor utama dijalankan termasuklah hasil perikanan nelayan dan pertanian yang melibatkan jutaan ringgit.

"Namun, hasil tangkapan ikan bertan-tan busuk apabila tidak dibenarkan keluar dari Kuala Kedah untuk dipasarkan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Asmirul berkata, beliau dimaklumkan ikan-ikan tersebut terpaksa dibuang begitu sahaja setakat ini kerana tidak dapat dihantar kepada pengguna dan kesannya mengakibatkan kerugian besar kepada penduduk tempatan serta industri negara.



Asmirul Anuar (kiri) mendengar luahan hati pemborong ikan di Kuala Kedah pada Rabu.

Tambah beliau, hasil pertanian seperti padi dilihat mengalami nasib sama apabila tidak boleh dituai dan dibiarkan rebah begitu sahaja sehingga menyebabkan kerosakan.

Sehubungan itu, katanya, Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor selaku Pengerusi MKN perlu menggunakan budi bicaranya

berhubung dengan Putrajaya pada kadar segera untuk menyelesaikan kemelut itu.

Asmirul berpendapat, perkara yang boleh diselesaikan dalam masa beberapa jam secara tiba-tiba menjadi kemelut ekonomi perikanan dan pertanian negara dalam tempoh tiga hari selanjutnya tempoh pelaksanaan PKPD di Kuala Kedah.

Dalam perkembangan sama, Asmirul melahirkan kebimbangan walaupun PKPD di Kuala Kedah memasuki hari keempat, namun SOP terkini atau sebarang maklum balas didakwa belum diterima daripada pihak MKN.

Tegasnya, Muhammad Sanusi harus menegerakan pelaksanaan SOP di PKPD Kuala Kedah agar sektor ekonomi negara dalam bidang perikanan dan pertanian tidak terus mengalami kerugian yang boleh melumpuhkan ekonomi setempat.

Beliau pada masa yang sama, melahirkan harapan supaya Menteri Besar dapat meluluskan segera peruntukan bantuan kepada penduduk di kawasan PKPD di Kuala Kedah agar bantuan bekalan makanan disampaikan kepada mereka yang terkesan.

"Saya harap semua masalah berbangkit daripada PKPD di Kuala Kedah diselesaikan segera," kata beliau.

Dedak mahal, gaji pekerja bebakan peladang

Dari Minka 1

Jeffrey berkata, disebabkan sekat pelaksanaan PKP yang menyasarkan restoran ditutup dan tidak boleh makan di dalam restoran atau *dine-in*, ia turut menjejaskan permintaan terhadap bekalan ayam.

"Namun, pada masa sama, kita hadapi kenaikan harga dedak dan bahan-bahan dedak dalam RM1600 satu tan, sekarang antara RM1,200 hingga RM1,300 satu tan. Kalau harga dedak naik mesti (harga ayam) naik," katanya.

Jeffrey berkata, ketika ini harga pasaran anak ayam meningkat antara RM2.10 hingga RM2.20 sekor. Malah, penerus turut berdepan faktor cuaca ekoran hujan hampir setiap hari yang memberi kesan kepada pembesaran anak ayam.

"Sekarang dalam tempoh 40 hari baru boleh capai berat 1.8 kilogram (kg) berbanding di luar musim, hujian melebihi 2kg sekor. Bila lambat besar, penter-nak harus tanggung kos yang tinggi untuk beri makan dan sebagainya.

"Begitu juga gaji pekerja, ia pun kena naik, selain setiap dua minggu kena buat ujian COVID-19," katanya. Menambah, pandemik mencejatkan kemahukan warga asing yang menyebabkan kenaikan kos bagi industri ini yang bergantung terhadap tenaga buruh luar.

Dengan keadaan itu katanya, ia memaksa majikan mengajalkan warga tempatan dengan tawaran gaji lebih tinggi untuk menarik mereka bekerja.

"Naikkan gaji pun masih susah tarik orang tempatan bekerja di ladang ayam. Kebanyakan tidak mahu sebab koror dan bertelu. Untuk dapatkan orang tempatan, terpaksa naikkan gaji daripada kira-kira RM1,600 kepada RM1,800 sebulan, bermaksud kos kita juga bertambah," katanya.

KPDNHEP siasat isu kenaikan harga ayam



EXCO Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengaguna Melaka, Datuk Wira Ismail Otman (kanan) bersama Norena pada Operasi Pemantauan Harga Barangan di sebuah pasar raya di Peringgit, Melaka, semalam. (Foto Syazeeq Ahmad/SH)

sebuah pasar raya di Peringgit, semalam. Selain mengeluarkan notis, kakaknya, pihaknya turut menge-rakkan lima pesunak untuk me-nyiasat rancangan di 13 lokasi di-kenal pasti bagi melakukan per-bandingan harga pada peringkat rantauan jualan ayam.

"Operasi akan membebaskan pengilang, peladang, pemborong dan peruncit sebelum kami dapat mengenal pasti peringkat berla-ku kenaikan harga. "Kita tidak mahu membuat ru-kuhan, justeru akan mengada-kan operasi habis-habisan ming-gu ini," katanya.

Di Georgetown, basil tinja-uan Persatuan Pengaguna Pulau Pinang (CAP) mendapati harga ayam meningkat daripada RM9

kepada RM10 sekilogram, mana-kala peniaga didakwa sudah ta-hu barganya akan terus mening-kat.

Presiden CAP Mohideen Abdul Kader mengesahkan KPDNHEP dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil tindakan segera, termasuk ber-hubung dengan sayur-sayuran dan buah-buahan yang didakwa turut naik secara drastik sejak dua minggu lalu.

"Sejumlah pasar basah di ne-geri ini ditutup sementara su-sulan kes positif COVID-19, me-nyebabkan pengguna sukar me-rapatkan bekalan. "Ia sekali gus memberi pehaung kepada peniaga yang tidak ber-tanggungjawab untuk menaik-kan harga barang," katanya.

sebuah pasar raya di Peringgit, semalam. Selain mengeluarkan notis, kakaknya, pihaknya turut menge-rakkan lima pesunak untuk me-nyiasat rancangan di 13 lokasi di-kenal pasti bagi melakukan per-bandingan harga pada peringkat rantauan jualan ayam.

"Operasi akan membebaskan pengilang, peladang, pemborong dan peruncit sebelum kami dapat mengenal pasti peringkat berla-ku kenaikan harga. "Kita tidak mahu membuat ru-kuhan, justeru akan mengada-kan operasi habis-habisan ming-gu ini," katanya.

Di Georgetown, basil tinja-uan Persatuan Pengaguna Pulau Pinang (CAP) mendapati harga ayam meningkat daripada RM9

Pantau punca kenaikan mendadak harga ayam

SHAH ALAM - Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) mendesak kerajaan memantau punca kenaikan mendadak harga ayam yang dilaporkan pada Isnin.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, kebiasaannya kenaikan harga berlaku berikutan musim perayaan, kekurangan penawaran atau mendapat permintaan tinggi.

"Permintaan ayam dalam kalangan pengguna masih lagi dalam keadaan yang stabil kerana kita bukan dalam musim perayaan. Jadi mungkin ada faktor tertentu menyebabkan kenaikan itu.

"Selain itu, ayam bukan barang kawalan, maksudnya ia berdasarkan harga pasaran. Jadi pihak berkuasa perlu menyiasat punca (kenaikan harga) ini berlaku," kata-



MOHD YUSOF

CHEE HEE

nya kepada *Sinar Harian*.

Pada Isnin, media melaporkan kenaikan harga ayam yang berlaku di beberapa negeri termasuk Terengganu dan Pulau Pinang.

Harga ayam RM5.80 sekilogram pada

1 Ogos meningkat kepada RM8 dan men-
cecah sehingga RM10 pada Selasa.

Mengulas lanjut, Mohd Yusof berkata, terdapat kemungkinan kenaikan berpunca daripada pengurangan bekalan ayam di negara ini.

"Kalau umpamanya masalah bekalan itu berkurangan, biasanya kerajaan akan mengimport bekalan ayam dari negara luar seperti Thailand dan sebagainya," ujarnya.

Sementara itu, Presiden Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Tan Chee Hee berkata, peningkatan harga barangan mentah menjadi antara punca yang menyebabkan harga ayam di negara ini meningkat.

Menurutnya, perkara tersebut berlaku sejak tahun lalu apabila negara berdepan

dengan pandemik Covid-19 sehingga menyebabkan semua rantaian bekalan terjejas.

"Punca harga barangan mentah naik disebabkan gangguan logistik penghantaran.

"Malah apabila kita mahu mengimport barang juga terganggu. Disebabkan penularan wabak Covid-19," katanya.

Jelasnya, pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) daripada kerajaan dan pengeluaran barangan terhad menyumbang kepada faktor harga barangan mentah naik.

"Saya harap kerajaan dan orang ramai memikirkan kepentingan penternak seperti kami. Jika keadaan seperti sekarang berterusan, perniagaan kami akan merosot," katanya.

Punca penternak naikkan harga ayam

Oleh Fahmy A Rosli

fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peningkatan kos dedak, membeli anak ayam dan kekurangan pekerja asing antara faktor menyebabkan penternak terpaksa menaikkan harga jualan ayam di sesetengah kawasan di negara ini.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng, berkata sejak penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan sekatan pergerakan, ia turut mempengaruhi kenaikan harga ayam di pasaran.

Beliau berkata, sebagai majikan, penternak juga perlu menanggung kos saringan COVID-19 berkala untuk pekerja serta menampung kenaikan gaji untuk mengambil warga tempatan bekerja berikutan kekurangan pekerja asing.

“Sekarang bila harga ayam naik sedikit, semua mengamuk. Kita cagak apapun orang tak faham sedangkan penternak pun susah.

“Bila pelaksanaan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) ketiga, banyak tempat ditutup, restoran tutup sehingga sukar kita nak jual tetapi sekarang situasi agak baik dan boleh bernafas sedikit kerana permintaan naik,” katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas harga runcit ayam didapati melonjak melebihi RM10 sekilogram seperti di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Bachang, Melaka kelmarin.

Berdasarkan tinjauan, kenaikan harga ayam berlaku di pasar berkenaan sejak seminggu lalu dan dilaporkan tertinggi sejak 10 tahun lalu.

AEON bantu petani, penternak kecil

PETALING JAYA: AEON Co. (M) Bhd. (AEON) komited membantu petani dan penternak kecil meningkatkan pendapatan dengan menjalin kerjasama memasarkan produk mereka di semua rangkaian pasarayanya.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif AEON, Shafie Shamsuddin berkata, pihaknya sentiasa memberikan sokongan kepada pengusaha tempatan, sekali gus memperkukuhkan lagi produk tempatan di pasaraya AEON.

"Kami sangat berbesar hati sekiranya mereka mahu memasarkan produk di AEON kerana kami turut menyediakan pelbagai program dan bantuan seperti Program Pemerksaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK@AEON), sokongan logistik dan bantuan pembiayaan kewangan.

"AEON turut bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan



HASNOL Zam Zam (kiri) dan Shafie Shamsuddin (kanan) pada majlis pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia AEON secara maya, semalam.

Multimedia (MCMC) bagi melaksanakan perniagaan mikro menerusi kaedah pendigitisasi yang lebih sistematik untuk pemasaran serta jualan atas talian

yang efektif dan berdaya saing," katanya selepas majlis pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) AEON secara maya, semalam.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Hasnol Zam Zam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2021	BERITA HARIAN	BISNES	37

AEON bantu pasar produk petani, penternak

AEON Co (M) Bhd (AEON) komited membantu petani dan penternak kecil meningkatkan pendapatan dengan menjalin kerjasama pemasaran produk mereka di rangkaian pasar rayanya.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif AEON, Shafie Shamsuddin, berkata sudah menjadi keutamaan kumpulan dalam memberi sokongan kepada pengusaha tempatan, sekali gus memperkukuhkan lagi produk buatan Malaysia di pasaraya AEON.

“Kumpulan sangat mengaluakan hasrat usahawan tempatan memasarkan produk mereka di AEON. Pelbagai program dan bantuan diadakan oleh kami seperti PUPUK@AEON, sokongan logistik dan bantuan pembiayaan kewangan.

“Petani dan penternak kecil yang ingin meningkatkan jualan dan memerlukan sokongan aliran tunai, AEON bersedia untuk membantu mereka.

“Ini kerana kumpulan sentiasa peka dengan kehendak dan keperluan semua pihak terutamanya dalam tempoh sukar ketika ini,” katanya selepas majlis pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) AEON secara maya di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis dirasmikan oleh Ketua

Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Hasnol Zam Zam.

Shafie berkata, Program Permerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK@AEON) adalah kerjasama pihaknya dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) bagi memperkasakan perusahaan mikro menerusi kaedah pendigitisasi yang lebih sistematik untuk pemasaran serta jualan atas talian yang efektif dan berdaya saing.

Beliau berkata, AEON juga akan membuka ekosistem yang sedia ada untuk memberi peluang pembangunan perniagaan kepada perusahaan mikro ini.

Peluang itu katanya merangkumi memanfaatkan produk jualan dan perkhidmatan AEON, kedai fizikal dan digital, rangkaian logistik dan saluran komunikasi AEON serta perkhidmatan kewangan melalui AEON Credit Service (M) Bhd.

Kempen KBBM AEON juga katanya sebahagian dari inisiatif memperkasakan usahawan tempatan dengan berpotensi memberikan peningkatan permintaan dan melonjakkan pengeluaran usahawan tempatan sekali gus membantu pengukuhan aktiviti

“Petani dan penternak kecil yang ingin meningkatkan jualan dan memerlukan sokongan aliran tunai, AEON bersedia untuk membantu mereka”

Shafie Shamsuddin, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif AEON



ekonomi negara.

“Kumpulan berbesar hati dapat menjadi rakan kerjasama kepada KPDNHEP. Sebagai rakan strategik peruncitan, kami memberikan kerjasama penuh dan akan mendukung aktiviti pemasaran dan jualan yang terbaik.

“AEON juga akan menggunakan platform digital bagi mempromosikan barangan tempatan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam, berkata kempen beli barangan Malaysia memainkan peranan utama dalam memastikan ekonomi domestik terus kekal berdaya saing serta mampu mengharungi cabaran COVID-19.

Beliau berkata, ekonomi negara dapat dipulihkan dengan lebih mampan serta merangsang ekonomi tempatan melalui pemerkerasaan rakyat serta lonjakan perniagaan.

Belia digalakkan ceburi pertanian moden

Oleh Dr Ailiah Nor Johari
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
(Keusahawanan),
Fakulti Sains
Gunaan Dan
Kemanusiaan
(FSGM), Universiti
Malaysia Perlis

Belia antara golongan terkesan akibat pandemik COVID-19 kerana majoritinya belum memiliki tahap kewangan stabil kerana baru menceburi alam pekerjaan, kehilangan pekerjaan dan kesukaran mendapatkan pekerjaan hingga menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran.

Menurut Laporan Tenaga Buruh, kadar pengangguran belia bagi umur 15 hingga 24 tahun meningkat sebanyak 0.4 mata peratus, iaitu 13.9 peratus pada Februari lalu berbanding bulan sebelumnya.

Bilangan belia menganggur meningkat sebanyak 52,400 ribu orang kepada 347,600 orang berbanding bulan sebelumnya (295,300 orang).

Bagi mengatasi isu kadar pengangguran tinggi dan ditambah penularan COVID-19 masih kritikal, sektor pertanian menjadi gerbang paling ideal di terokai belia. Pilihan kerjaya golongan itu pada masa kini lebih tertumpu kepada sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Sektor pertanian menjadi tulang belakang ekonomi negara sejak sekian lama, malah ia terus relevan dengan perkembangan semasa kerana dapat memenuhi keperluan negara dan masyarakat kerana dapat membekalkan sumber makanan, menyediakan bahan mentah untuk keperluan serta ke-

gunaan industri asas tani.

Ia juga mampu meningkatkan taraf hidup, menawarkan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan, mempromosikan pembangunan kemanusiaan serta menjaga hak kemanusiaan dan membasmi kemiskinan.

Bertitik tolak sumbangan sektor pertanian di negara ini amat besar dan ditambah kadar pengangguran meningkat dalam kalangan belia terutama golongan berpendidikan tinggi, pembabitan belia amat diperlukan.

Lensa golongan belia perlu terarah kepada modenkan dunia pertanian. Malangnya, hingga kini, pembabitan golongan itu berusia antara 18 hingga 40 tahun masih pada tahap rendah.



Penggunaan teknologi dan inovasi moden mampu tingkat hasil bidang pertanian.
(Foto hiasan)

Sebenarnya, purata umur petani di negara ini melebihi 55 tahun dengan petani lebih tua dikatakan sukar atau enggan menerima perubahan dan kurang cenderung mempromosikan aktiviti diversifikasi atau mempelbagaikan pengeluaran serta kurang berupaya mengguna teknologi baharu.

Malaysia memerlukan komuniti pertanian sandaran daripada belia untuk menyokong kumpulan petani semasa kerana generasi muda ialah aset penting bagi pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Senario ini menggambarkan betapa sektor pertanian perlu segera dibanjiri agropreneur muda dan ditransformasikan ke arah lebih efisien serta efektif bagi meningkatkan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara seiring sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Bagi merealisasikan, sektor ini amat memerlukan agropreneur muda memiliki ciri sesuai seperti sanggup menanggung risiko, berinovasi, mampu mengaplikasikan teknologi dalam perusahaan pertanian dan juga generasi digital pertama dapat melihat keusahawanan pertanian sebagai bidang kerjaya menarik dan menguntungkan.

Jadi, merencanakan semula sektor pertanian dengan kehadiran agropreneur muda memiliki lensa penggunaan teknologi dan inovasi adalah keperluan agar sektor ini dapat memberi lebih impak positif.

Pembabitan agropreneur muda perlu terus dipertingkatkan untuk menjamin matlamat Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 yang dilancarkan Kementerian Pembangunan Usahawan pada Julai 2019 dalam menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan unggul menjelang 2030 dapat dicapai.

Kelulusan EIA tambak laut batal

Lembaga Rayuan JAS ketepi penilaian bentuk tiga pulau buatan

Oleh Zuhainy Zulkiffi
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Lembaga Rayuan Jabatan Alam Sekitar (JAS) memutuskan untuk mengetepikan kelulusan penilaian impak alam

sekitar (EIA) projek tambak laut yang membentuk tiga pulau buatan di perairan selatan (PSR), semalam.

Keputusan itu menjadikan kelulusan EIA bagi projek berkenaan adalah terbatal dan tidak lagi sah selepas ia diperolehi pada 25 Jun 2019.

Keputusan terbabit dibuat tiga anggota Lembaga Rayuan JAS iaitu Hakim Mahkamah Sesyen, Rozina Ayub; pakar alam sekitar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mazlin Mokhtar dan Prof Madya Dr Ramdzani Abdullah dari Univer-



Keratan
akbar BH
4 Jun 2021.

siti Putra Malaysia (UPM).

Peguam Meenakshi Raman, berkata notis rayuan berkenaan difailkan kepada Lembaga Rayuan oleh Ketua Unit Nelayan

Sungai Batu, Zakaria Ismail pada 29 Julai 2019 mengikut Seksyen 35 (1) (e) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (EQA 1974).

Katanya, pembatalan EIA itu bermaksud Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi projek berkenaan yang sedang ditunggu kelulusannya juga sudah tidak boleh digunakan pakai.

"Jika kerajaan negeri dan pe- maju mahu meneruskan projek berkenaan, permohonan EIA ba- haru perlu dikemukakan semula kepada JAS.

"Bagi mendapatkan EMP, ia tu- rut berkait rapat dengan kelu-

lusan EIA yang diperolehi lebih awal, justeru semua proses perlu dilakukan semula oleh pihak ber- kenaan (kerajaan negeri dan pe- maju)," katanya di sini, sema- lam.

Sementara itu, Zakaria mengu- capkan syukur dan terima kasih kepada nelayan serta pertubu- han bukan kerajaan (NGO) yang menyokong usaha sepanjangan pro- ses mengemukakan rayuan itu.

"Kita berdoa dan berusaha ba- gi memastikan kawasan ini tidak dimusnahkan serta terus men- jadi tempat penduduk mencari rezeki," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR	23

RM813,900 bantu warga tani Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor telah membelanjakan sebanyak RM813,900 melibatkan 1,805 penerima bagi bantuan dan insentif warga tani di negeri itu sehingga 26 Julai lalu.

Menerusi info grafik dan status dikongsi Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari di Facebook beliau pada Rabu menunjukkan daripada jumlah tersebut, sebanyak RM405,300 diperuntukkan bagi pembelian petrol yang melibatkan seramai 1,351 penerima.

Sebanyak RM270,000 pula diperuntukkan bagi bantuan makanan ternakan membabitkan 300 penerima dan RM138,600 untuk bantuan makanan akuakultur melibatkan seramai 154 penerima.

Amirudin dalam kenyataannya berkata, pelbagai bantuan dan insentif diwujudkan bagi membantu warga tani di Selangor.

“Langkah ini bagi memastikan jaminan bekalan makanan di samping membantu kehidupan warga tani,” kata beliau.

KPKB perkenalkan program Xplorasi Tani

KOTA BHARU: Kumpulan Pertanian Kelantan Bhd (KPKB) memperkenalkan semula program Xplorasi Tani yang pernah disiarkan pada stesen TV3 dengan kerjasama Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani pada 2011.

Pengurus Besar KPKB Mohd Mukhlis Mukhtar berkata, pihaknya menyambung kembali idea itu dalam konteks lebih kecil bertujuan memperkasakan sektor pertanian di Kelantan.

Katanya program itu memanfaatkan platform media sosial iaitu Youtube.

"Kerajaan negeri menggalakkan KPKB menjalankan pelbagai inisiatif berkaitan pertanian di Kelantan.

"Ia juga bertujuan memban- tun untuk mempromosikan segala aktiviti yang berkaitan pertanian, penternakan, akuakultur, teknologi dan automosi serta penyelidikan dan pembangunan industri," katanya di sini.

Ia juga bertujuan membantu untuk mempromosikan segala aktiviti yang berkaitan pertanian, penternakan, akuakultur, teknologi dan automosi serta penyelidikan dan pembangunan industri."

Kata beliau melalui Youtube Xplorasi Tani, setiap persembahan berdasarkan aktiviti yang diusahakan usahawan tani.

Menurutnya Xplorasi Tani itu mencungkil pemenang kategori berjaya maju yang mempersembahkan aktiviti pertanian se-



Tuan Mohd Sarpuudin Tuan Ismail bersama pemenang pertandingan Xplorasi Tani.

cara santai atau hobi seke- luarga.

Pertandingan video pen- dek anjuran KPKB itu seba- gai aktiviti 'Lockdown Living MCO 3.0 Bertani Satu Ibadah' berlangsung dua minggu bermula 15 Jun lepas.

Tema pertandingan ada- lah 'Lockdown Living' (share

agricultural activities you've been doing in MCO 3.0).

Video yang dihasilkan penternakan dan perikanan dalam bentuk positif dan kreatif disertai seramai 81 peserta.

Pemenang pertama per- tandingan itu Fasha Ra-

shada Saari, kedua Mumirah Embong dan ketiga, Mohd Adnan Mamat.

Mohd Mukhlis berkata, hadiah tempat pertama sekor kambing, kedua sekor biri-biri dan ketiga wang tunai RM30. Setiap pemenang turut diberi sijil penyertaan.

Ikan lumba-lumba tarikan di Perlis

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamajlis.com.my

KANGAR: Perairan Pulau Batu Layang, Kuala Perlis di sini sesuai dijadikan lokasi pelancong baharu untuk pengujung melihat ikan lumba-lumba secara lebih dekat.

Perairan tersebut yang terletak kira-kira dua batu nautika dari pantai itu difahamkan menjadi antara lokasi tumpuan ikan lumba-lumba, khususnya jenis *Indo Pacific Humpback*.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengasas Perlis Nature and Wildlife (PNW), Syamil Abd. Rahman berkata, antara lokasi pelancongan terkenal orang ramai menyaksikan ikan lumba-lumba sebelum ini ialah di Santubong, Sarawak dan Kuala Sepetang,

Perak.

Katanya, Kuala Perlis juga dilihat antara kawasan sesuai dijadikan produk pelancongan baharu untuk melihat ikan lumba-lumba.

Jelas beliau, cadangan tersebut sekiranya dapat direalisasikan bukan sahaja dapat menghargai spesies tersebut, sebaliknya menyumbang pendapatan untuk kerajaan negeri dan penduduk setempat khususnya nelayan.

"Bagaimanapun, untuk mewujudkan lokasi pelancongan ikan lumba-lumba itu memerlukan bimbingan kerajaan negeri beserta syarat-syarat sesuai yang mampu memberi keuntungan kepada semua pihak di samping mengutamakan kelestarian habitat serta spesies itu sendiri.

"Kuala Perlis adalah lokasi yang sangat unik dan menjadi



KELIBAT ikan lumba-lumba bermain di perairan Kuala Perlis yang dirakam baru-baru ini.

tumpuan spesies-spesies seperti ikan lumba-lumba. Kita tidak perlu pergi jauh atau berada di

pulau-pulau cantik untuk menyaksikan ikan lumba-lumba kerana Kuala Perlis sendiri men-

jadi antara lokasi tumpuan ikan berkenaan," katanya.

Semalam *Utusan Malaysia* melaporkan, selain terkenal dengan julukan 'syurga makanan laut', Kuala Perlis juga istimewa apabila perairan di sini menjadi antara 'lubuk' atau tarikan ikan lumba-lumba khususnya jenis *Indo Pacific Humpback*.

Difahamkan sekitar 200 hingga 300 ekor ikan lumba-lumba berada di perairan Kuala Perlis ketika musim kemarau antara Disember hingga April kelibat ikan berkenaan kerap boleh dilihat di pesisir pantai di sini.

Antara faktor utama perairan Kuala Perlis sepanjang 10.5 batu nautika dari garis pantai tersebut menjadi tumpuan ikan lumba-lumba kerana kawasan berkenaan kaya dengan sumber makanan.

9/9/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

12

3 pulau lokasi biak udang geragau

Oleh HADI AB. MANAP dan
MOHD. FADHLI MOHD.
SULAIMAN

hadi.manap@mediaraja.com.my

MELAKA: Pendaratan tertinggi udang geragau yang direkodkan di Melaka adalah sebanyak 78 tan metrik bersamaan 78,000 kilogram (kg) pada 2006.

Begaimanapun, pada 2013 dan 2014, dilaporkan tiada pendaratan spesies berkenaan yang menjadi bahan komoditi utama industri pembuatan cencaluk dan belacan di negeri ini.

Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2009 memaklumkan, spesies berkenaan membiak sepanjang tahun dan mencapai kemuncaknya pada Februari, April, Jun Ogos serta Oktober.

Pejabat Perikanan Melaka mengesahkan bahawa suatu masa dahulu sebelum berlakunya akviti penambakan paniai di kawasan-kawasan terlibat, nelayan mampu memperoleh sekitar 200 hingga 300kg tangkapan udang geragau setiap kali turun ke laut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pengarahnya, Mohd. Fauzi Salehon berkata, kini nelayan di sekitar Pantai Puteri, Tanjung Bidara dan Pengkalan Balak hanya mampu meraih sekitar 20 hingga 30kg untuk sekali tangkapan, iaitu penurunan ketara hampir 10 kali ganda.

Katanya, kekurangan hasil laut adalah impak yang sudahpun diramal sebelum sesuatu projek



SEORANG penduduk, Amir Hamza hampa melihat jaring alat menyungkur udang geragau tidak menghasilkan tangkapan bagi sumber rezekinya di persisiran Pantai Puteri, Melaka. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

mega seperti Pelabuhan Antara-bangsa Kuala Linggi (KLIP) dan Melaka Gateway bermula.

Begaimanapun, jelasnya, telah wujud perbincangan antara kerajaan negeri dengan Jabatan Perikanan untuk menjadikan tiga pulau di Melaka sebagai lokasi baharu sumber protein negeri

ini, termasuk pembiakan udang geragau.

Ujarnya, pulau-pulau tersebut adalah Pulau Nangka, Pulau Dodol dan Pulau Undan yang kini dalam proses untuk diwar-takan sebagai taman laut.

"Sekarang dalam proses maintenance, bukan Melaka sahaja.

Sumber laut di semua perairan terutama ikan komersial memang terjejas," katanya.

Mohd. Fauzi memberitahu, kesukaran nelayan mendapatkan stok udang geragau bukanlah perkara baharu sebaliknya ia sudah bermula sejak 2016.

"Sebelum projek tambahan



MOHD. FAUZI SALEHON

laut bermula, ada perbincangan antara kerajaan negeri dengan nelayan seperti penyediaan pampasan," jelasnya.

Sementara itu, penyelidik lapangan Sababat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman berkata, Persekutuan atau negeri perlu mewariskan kawasan pesisir pantai yang kaya dengan hidupan akuatik sebagai kawasan perlindungan.

Memurut beliau, kerajaan boleh memperuntukkan akta atau enakmen negeri supaya tidak mengganggu ekosistem di kawasan terbabit.

Perubahan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Puan Sri Sharifa Sabri Syed Akil berkata, penduduk seharusnya buat laporan dan menghantar bantahan apabila mendapatkan mereka terjejas akibat kegiatan tambakan laut..

Pelaksanaan PKPD di Kuala Kedah sekat aktiviti penangkapan ikan, jejas pendapatan

Nelayan merungut tak boleh ke laut

Oleh NUR ANATI JUHARI

ALOR SETAR – Kira-kira 1,000 nelayan kecewa apabila mendakwa tidak dapat turun ke laut sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kuala Kedah pada Isnin lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Hamid Bahari berkata, dia menerima banyak aduan dan rungutan daripada nelayan kerana keadaan itu menyebabkan golongan tersebut akan kehilangan punca pendapatan sepanjang tempoh PKPD.

"Nelayan pantal dan laut yang mampu memperoleh hasil tangkapan 100 hingga 200 tan sehari terpaksa menanggung kerugian besar kerana tidak dapat turun ke laut.

"Hasil tangkapan sebelum



DERETAN bot-bot yang tersadai di Kuala Kedah selepas nelayan tidak dapat ke laut. – SHAHIR NOORDIN

PKPD juga terpaksa disimpan dan akan rosak berikutan lori mengambil ikan tidak dibenarkan masuk ke kawasan ini," ka-

tanya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya, penghantaran ikan ke pasaran di beberapa buah

negeri seperti Johor dan Perak mungkin terjejas kerana Kuala Kedah menjadi antara sumber terbesar ikan negara.

"Prosedur operasi standard (SOP) perlu dilonggarkan kepada nelayan supaya mereka dapat meneruskan kerja menangkap hasil laut seperti biasa seterusnya tidak menjejaskan bekal sepanjang PKPD itu," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Ahmad Shukri Mat Akhir berkata, dakwaan nelayan tidak langsung dibenarkan turun ke laut adalah tidak benar.

"Nelayan yang ingin turun ke laut perlu mempunyai dokumen sah seperti mendapatkan kebenaran pihak polis, lengkap vaksinasi serta menjalani ujian saringan kesihatan.

"Kami juga memahami rata-rata penduduk di sini bekerja sebagai nelayan, pergi ke balai polis berdekatan untuk dapatkan kebenaran," jelasnya.



MOHD. RIDZUAN (kanan) menunjukkan sebahagian rumput napier yang hampir matang di Kampung Binjal Kertas, Hulu Terengganu semalam.

Tanam rumput napier beri lebih keuntungan

HULU TERENGGANU – Keputusan seorang penternak lembu secara fidlot beralih kepada menanam rumput napier secara serius sejak dua tahun lalu telah berjaya menjana pendapatan lumayan untuknya.

Mohd. Ridzuan Mamat, 39, kini mampu mengukir senyuman apabila tanaman itu mula memberi hasil sekali gus beliau muncul antara pembekal utama makanan haiwan ternakan di Terengganu selain dibekalkan untuk kegunaan gajah di Pusat Konservasi Gajah Sungai Deka, Hulu Terengganu.

Katanya, padang ragut seluas 200 hektar di Kampung Binjal Kertas, di sini mampu

mengeluarkan 100 tan rumput napier yang diproses sebagai silaj makanan haiwan ternakan.

"Asalnya saya membela 200 ekor lembu secara fidlot tetapi berhadapan dengan kos makanan terutama dedak terlalu tinggi sehingga menyebabkan margin keuntungan rendah.

"Saya kemudiannya membuat keputusan menghasikan makanan ternakan diperbuat daripada rumput napier," katanya ketika ditemui semalam.

Katanya, rumput napier jenis 'Pak Chong' boleh dituai selepas 45 hari ditanam selain dapat menjana pendapatan antara RM3,000 hingga RM8,000 bagi setiap pusingan tuai.

Cendawan tiram beri pendapatan lumayan buat suami isteri

KOTA BHARU - Pengalaman sebagai pengusaha cendawan tiram kelabu dan putih mendorong Noriha Ahmad, 49, dan suaminya Mohd Saupi Hassan, 55, meneroka peluang baharu sebagai pembekal bongkah cendawan.

Percubaan itu nyata berbaloi apabila mereka membekalkan hampir 9,000 bongkah cendawan sebulan kepada Koperasi Usahawan Cendawan Kelantan Bhd (KOKULAC) dan pengusaha baharu cendawan di sekitar Kelantan.

"Saya mula mengusahakan cendawan tiram pada 2015, tiga tahun kemudian (2018) barulah saya mengambil langkah menjimatkan kos pengeluaran dengan mula memproses bahan media cendawan atau bongkah cendawan sendiri sebanyak 300 bongkah sehari.

"Bongkah cendawan yang dihasilkan ini diperbuat daripada habuk kayu getah, dedak padi dan kapur pertanian seterusnya digaul sebandi menggunakan mesin pengisar," katanya kepada pemberita ketika ditemui di bengkel cendawan tiram putih dan kelabu



Gambar hiasan

di Kampung Chengal, Kateroh, di sini hari ini.

Noriha berkata selepas siap digaul, bahan tadi dimasukkan ke dalam plastik seterusnya bongkah tersebut dikukus selama enam

jam di dalam tong dram.

Noriha berkata selepas siap dikukus, bongkah cendawan di sejukkan selama 24 jam, sebelum disimpan di dalam bilik yang dilengkapi alat penyaman udara

untuk menjalani proses pemasakan benih cendawan untuk tujuan pemeraman dan pengeluaran hasil.

"Seunit bongkah dijual pada harga RM1.60 dan setiap bong-

kah hanya boleh digunakan dalam tempoh tiga atau empat bulan sahaja. Selepas itu ia perlu digantikan dengan bongkah yang baharu," katanya.

Noriha dan suaminya Mohd Saupi kini mampu tersenyum lebar apabila menjana pendapatan membesar sebagai pengusaha dan juga pembekal bongkah cendawan.

"Untuk cendawan saya mampu menuai kira-kira 30 hingga 40 kilogram cendawan sehari dan menjual pada harga RM10 sekilogram. Cendawan yang dituai dijual di Pasar Borong Wakaf Che Yeh.

"Bagi memastikan cendawan dapat memberi hasil maksimum serta berkualiti, suhu di dalam rumah tanaman ini perlu berada dalam keadaan yang lembap dan saya menggunakan sistem 'Rumah Cendawan Pintar' (iMistroom) hasil ciptaan teknologi Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, selain persekitarannya juga perlu sentiasa bersih," kata ibu kepada enam anak itu. - BNM

Idea kerjaya rakan beri tuah, raih untung jual 'timun baby'

KOTA BHARU - Enggan menenggang nasib sebagai penganggur empat tahun lepas, seorang pemuda kini telah mengubah hidupnya apabila menceburkan diri dalam bidang pertanian dengan mengusahakan tanaman 'timun baby' menggunakan kaedah fertigasi.

Malah, Mohamad Zulfazli Mohamad Arifin, 28, juga tidak menyangka percubaan pertamanya menjadi seorang petani sayuran itu membuahkan hasil lumayan dengan meraih pendapatan sehingga mencecah lima angka, semusim atau setiap dua bulan.

Beliau memulakan kerjaya bercucuk tanam kerana kecewa setelah pemohonan pekerjaan dan temu duga yang dihadapinya memberi maklum balas mendukacitakan selepas berhenti bekerja sebagai petugas logistik di sebuah syarikat di Singapura pada 2018.

"Saya terdetik untuk mula bercucuk tanam selepas melihat kejayaan seorang rakan sejak di bangku sekolah iaitu Mohd Fadir Fuzal, 28, yang berjaya meraih

pendapatan mencecah belasan ribu ringgit bagi tempoh semusim menanam timun.

"Berebalkan modal wang simpanan sekitar RM15,000, saya mula memberanikan diri untuk menanam sebanyak 1,000 pokok timun baby secara fertigasi di atas tanah berkeluasan sekitar 0.3 hektar," katanya ketika ditemui Bernama di kebun timun miliknya di Kampung Kubang Palas, Bangu di sini.

Berkongsi cerita, Mohamad Zulfazli yang merupakan lulusan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkata pada permulaan mengusahakan tanaman timun baby, beliau berjaya meraih pulangan hasil jualan kira-kira RM20,000.

"Hasil tanaman timun berkenaan dijual pada harga RM2 hingga RM3 sekilogram bergantung kepada harga semasa dan ia dipasarkan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Tunjong.

"Teruja dengan hasil pulangan yang diperoleh saya kemudian mempelabgalkan hasil tanaman

termasuk petola, rili dan juga peria dengan mendapat rujukan daripada beberapa petani setempat selain turut mengikuti kursus pertanian daripada Jabatan Pertanian," kata graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) itu.

Anak kedua daripada enam beradik itu berkata hampir setiap hari beliau mampu mengutip sebanyak 400 kilogram (kg) timun yang dibantu seramai 10 pekerja terdiri daripada anak muda tempatan.

"Alhamdulillah, sehingga kini usaha bercucuk tanam semakin berkembang dan sekarang saya mengusahakan tanaman sayur-sayuran memablitkan tanah berkeluasan lebih 2.2 hektar yang disewa penduduk sekitar dengan kadar sewaan sekitar RM300



Gambar hiasan

hingga RM700 setahun," katanya yang turut mengakui jualan tanamannya agak terjejas sejak keberlakuan ini, susulan penutupan pandemik COVID-19.

Bagaimanapun, beliau berkata ia tidak menjadi penghalang ke-

padanya kerana masih mampu memasarkan hasil tanaman berkenaan ke pasaran luar Kelantan iaitu di Pasar Selayang dan juga di Klang, Selangor, malah turut menghasilkan produk kudapan.

"Selain itu, untuk mengelakkan berlaku lambakan juga, isteri saya Alina Fatini Md Rizan, 24, mengambil inisiatif menghasilkan sambal bilis dan peria goreng menggunakan hasil tanaman kami sendiri untuk dijual dengan harga RM10 hingga RM18.

"Pada masa hadapan, saya juga merancang untuk membuat timun yang dijeruk bagi mengelakkan berlaku lambakan sekali gus dapat membolehkan ia bertahan dalam tempoh yang lama. Namun, ia perlu diteliti dan dirancang dengan baik terlebih dahulu," katanya. - BNM